

PANDUAN PERKHIDMATAN RAWATAN PESAKIT LUAR DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

1. PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK PELAJAR DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

1.1 Pemeriksaan Kesihatan Pelajar

Seseorang calon yang Berjaya mendapat tempat untuk menuntut di KUIS adalah diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan status kesihatannya.

1.2 Pegawai Perubatan Yang Layak Memeriksa

Pemeriksaan Kesihatan Pelajar ini hendaklah dibuat dan disahkan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau Swasta dengan menggunakan borang KUIS Borang P03. Borang ini mesti dilengkapi dengan laporan X-ray yang bertarikh tidak melebihi **Enam (6) bulan** dari tarikh pendaftaran.

1.3 Bayaran Pemeriksaan

Segala bayaran yang dikenakan ke atas calon semasa menjalani pemeriksaan termasuk ini **tidak ditanggung oleh KUIS**.

2. KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN

2.1 Rawatan Pesakit Luar

Semua pelajar KUIS adalah layak untuk mendapatkan kemudahan rawatan pesakit luar di Klinik Panel pelajar yang dilantik dan klinik kesihatan mengikut syarat yang telah ditetapkan.

2.2 Rawatan Kes Kecemasan

Kemudahan rawatan kecemasan akan diuruskan oleh Pegawai Bahagian Pembangunan Mahasiswa untuk dibawa ke hospital berdekatan.

2.3 Kemudahan Pengangkutan

2.3.1 Kenderaan Kecemasan

KUIS menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua kes kecemasan selama 24 (Dua Puluh Empat) jam sehari sepanjang semester.

2.3.2 Perbelanjaan Pengangkutan

Perbelanjaan pengangkutan menggunakan kenderaan yang disediakan oleh KUIS ini akan ditanggung oleh KUIS. Pihak KUIS tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan pengangkutan dengan kenderaan lain.

3. SIJIL CUTI SAKIT

3.1 Semasa Minggu Bekerja

Sijil Cuti Sakit boleh didapati di Klinik Panel Pelajar dan Klinik Kesihatan untuk pelajar yang layak sahaja.

3.2 Semasa Peperiksaan

Semasa peperiksaan, peraturan sijil cuti sakit pelajar tertakluk kepada Peraturan Akademik.

4. RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH KUIS

- 4.1 Rawatan ubat-ubatan dan peralatan untuk pencegahan kehamilan, kemandulan dan kesuburan.
- 4.2 Rawatan pergigian termasuk alat-alatan gantikan anggota seperti gigi palsu, korona/jambatan/implant gigi untuk tujuan kosmetik.
- 4.3 Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan kosmetik dan ritual.
- 4.4 Rawatan dan pemeriksaan berkaitan dengan mengandung dan bersalin samada dalam keadaan normal ataupun tidak normal.
- 4.5 Rawatan imunisasi samada untuk tujuan pelalian biasa ataupun untuk keadaan wajib seperti imunisasi sebelum pergi keluar Negara, imunisasi semasa wabak dan sebagainya.
- 4.6 Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif.
- 4.7 Perbelanjaan rawatan di Hospital Swasta.
- 4.8 Perbelanjaan rawatan di luar Negara.
- 4.9 Ubat-ubatan yang dibeli dari Farmasi.

4.10 Rawatan Otodontik di Klinik Panel Pelajar / Hospital Kerajaan.

5. RAWATAN DI LUAR NEGARA

Rawatan Pesakit Luar bagi pelajar di luar Negara tidak akan ditanggung. Pelajar perlu merujuk kepada Pegawai Bahagian Pembangunan Mahasiswa untuk insurans perubatan bagi pelajar yang menyertai aktiviti ke luar Negara.

6. KAD RAWATAN PELAJAR

Kad rawatan hanya diberi kepada pelajar semasa semester lazim (tidak termasuk semester pendek "*short sem*" & pelajar separuh masa).

Penggunaan kad rawatan sah sepanjang semester kecuali cuti semester. Kad rawatan pelajar hendaklah diperbaharui setiap semester (berdasarkan tarikh yang tertera pada kad) dan pembaharuan hendaklah dibuat di **Seksyen Penajaan & Kebajikan, BPM**.

Nilai bagi kad rawatan pelajar adalah sebanyak **RM100 setahun**.

7. KLINIK PANEL PELAJAR

Terdapat dua (2) klinik panel yang disediakan untuk kemudahan pelajar.

1. KLINIK HASIF

23, Jln Seri Putra 3/13
Bandar Seri Putra, 43000
Kajang, Selangor.

2. POLIKLINIK AN NUR

BANDAR SERI PUTRA,
No.5 Jln Seri Putra ¼,
Bandar Seri Putra, 43000
Kajang, Selangor.